

Setiap kali aku melihat salib, begitu banyak kali juga aku akan mengampuni dengan sepenuh hati.

- Sta. Faustina



Bacaan Injil Harian:

Sir. 27: 33 - 28: 7;

Maz. 102: 1-4, 9-12;

Rom. 14: 7-9;

Mat 18: 21-35.

Perkataan
mingguan

Yesus
menampakkan
identiti Tuhan

Dengan bersemangat Peterus bertanya Yesus jika diperbolehkan untuk mengampuni 7 kali (3 kali lebih dari adat orang Yahudi). Dan sekali lagi Yesus memeranjatkan mereka dengan permintaan yang nampaknya mustahil - "bukan tujuh, akan tetapi tujuh puluh kali tujuh". Jawapannya menunjukkan tidak ada batas untuk mengampuni seseorang! Kerana jika Tuhan dapat mengampuni kita, termasuk kesalahan yang berulang kali dilakukan, kenapa kita tidak dapat mengampuni antara sesama?

Akan tetapi, siapa yang mungkin dapat melakukan ini? - untuk mengampuni berkali-kali? Bagaimana kamu menangani konflik suami-isteri yang menjadikan hidup kamu terbalik dan merobek kamu? Bolehkah kamu benar-benar membuat perubahan ikhlas dengan ahli keluarga yang sudah lama kamu tidak bercakap? Bagaimana kamu memaafkan perogol? Bagaimana pula dengan seseorang yang telah mendera anak? Bagi mereka yang mengetahui realiti kejam dari bekas luka ini, mungkin mustahil untuk merenungkan pengampunan.

Namun Yesus meminta kita mengambil langkah yang lebih. Dalam contoh lain, Yesus menerangkan jika seseorang meminta jubahmu, kamu juga memberi bajumu; atau jika seseorang menampar pipimu yang satu, berikanlah juga kepadanya pipimu yang lain. Yesus menunjukkan kepada kita kemungkinan untuk mengampuni, dan pengampunan berbuah hasil. Dia melakukannya bukan hanya dengan kata-kata, malah juga dengan perbuatan. Dalam cara ini, **Yesus menampakkan identiti Tuhan**, yakni Dia adalah Tuhan yang mengasihi dan lemah lembut, lambat akan murka dan kaya dalam belas kasih.

Pepatah berikut nampaknya menangkap perjuangan manusia kita dengan tepat: "*semakin kamu mengenali diri sendiri, semakin banyak kamu mengampuni diri sendiri*". Perkembangan kesedaran diri kita menghasilkan lebih banyak buah daripada ini, kerana ini mendorong kita untuk lebih mengampuni orang lain. Marilah kita ingat bahawa pengampunan menghiasi satu hukum terpenting - untuk mengasihi Tuhan dan mengasihi sesama seperti diri sendiri.

Sungguh, memaafkan orang lain adalah membebaskan tahanan, dan melakukannya adalah dengan mengetahui bahawa tahanan itu adalah ANDA! †



TEMA BULANAN:

DARAH YANG DITUMPAHKAN BAGIMU DAN BAGI BANYAK ORANG



PENGAMPUNAN ADALAH UNTUK YANG KUAT

Orang berkata: "Seseorang perlu menjadi kuat untuk meminta pengampunan, dan ianya memerlukan lebih kekuatan untuk mengampuni". Kadangkala pengampunan terasa seperti satu kelemahan yang membuat kita berfikir: "ini bukan untuk aku", "semua orang bersalah", "Aku sahaja yang betul", "mereka yang lebih dulu bersalah terhadap aku", atau "mereka tidak sepatutnya melakukan itu". Bukankah kita sering mendengarkan kesemua ini?

**GEREJA VISITATION**

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban

Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542

Fax : 06-7677544

Emell : serembanvisitation@gmail.comLaman web : www.visitationseremban.org

Paderi paroki : Rev. Fr Xavier Andrew

Pembantu Paderi : Fr. Kenneth Gopal

TEMA TAHUN 2020

PEMURIDAN: DIUTUS DENGAN SUKACITA UNTUK MENYEMBUH

Tema Bulan September : Darah yang ditumpahkan bagi mu dan semua

PEJABAT PAROKI:**Isnin – Jumaat :**

9.00 am - 5.30 pm

**Sabtu : Hingga 1.30 pm
semasa PKPP – Covid - 19
sehingga makluman lanjut****12 & 13 September 2020 :**

HARI MINGGU BIASA KE-24: Sir 27, 33, 28, 7; Ps 102, 1-2, 3-4, 9-12 Rom 14, 7-9, Mt 18, 21-35

"Tuhan adalah pengasih dan penyayang, panjang sabar dan berlimpah kasih setia." (Mzm : 102)

Misa kini dibuka untuk semua umat. Semua warga asing kini dialu-alukan untuk menghadiri Misa. Setiap bahasa terhad hanya untuk 480 orang sahaja. Mereka yang ingin menghadiri diminta untuk mendaftar secara atas talian di www.visitationseremban.org.

Tiada siaran langsung Misa bermula bulan September dan seterusnya.

Masa Misa : 20 September (Ahad): 7.30 am (Tamil)

10.00 am : (BI)

12.00 t/hari (Mandarin) (bersilih ganti dengan Misa BM)

setiap minggu)

Masa dan bahasa Misa kan berubah-ubah setiap minggu.

Pungutan Mingguan paroki : 06/09/2020	RM5,577.55
Pungutan khas adorasi : 06/09/2020	RM724.00
Pungutan ke-2 untuk Ministri Prihatin Sosial (PIHDM)	RM726.00

NOTA

a) WAJIB UNTUK SEMUA MEREKA YANG MENGHADIRI MISA UNTUK MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG, SILA DATANG DENGAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG SENDIRI.

b) SILA BERADA DI DALAM GEREJA SATU JAM SETENGAH (1 ½ jam) LEBIH AWAL, UNTUK MEMALUI SEMUA SOP SEBELUM MISA BERMULA.

➤ Semua ministri paroki bagi semua kumpulan bahasa diminta mengadakan pilihan raya bagi memilih pemimpin baru; bukan kemunculan semula "wajah lama" ke dalam jawatan. Mereka yang sudah mengadakan pilihan raya baru-baru ini, syabas diucapkan. Bagi yang lain, sila lakukan sebelum akhir bulan September 2020.

➤ Saudara-saudari, Bank Makanan PIHDM akan dibuka pada hari Ahad : 8 am - 12.30 pm. Barang yang diperlukan : Beras (5kg), Minyak (2kg), Sardin, Biskut, Serbuk Susu, Milo/Susu coklat, Susu sejat, Bihun/Mee Segera. Untuk maklumat lanjut hubungi : John (017-6158961) atau Bernadette (012 2715840). terima Kasih diatas sokongan anda terhadap Bank Makanan PIHDM. Teruskan memberikan sokongan anda.

➤ Pembaptisan Bayi bulan Oktober : sila hantar permohonan anda ke pejabat paroki sebelum hujung bulan September 2020.

➤ Pendidikan Agama (RE) Inggeris Kelas bermula pada Hari Sabtu 19 sept untuk Sekolah Rendah (Darjah 1-6) jam 4.30 pm - 6.00 pm dan Ahad 20 Sept untuk Sekolah Menengah (Ting. 1-4) jam 11.30 am - 12.45 pm

Doa untuk jiwa yang telah pergi :
Francis Yong Kong Chow (d.o.d : 08/09/20)

Kami sedang merekrut ahli koir Inggeris untuk Misa jam 9.00 am dan pengurus untuk Misa Inggeris jam 6.00 pm & 9.00 amfor 9 am. Mereka yang berminat, sila berhubung dengan Mr. Daniel Ram @ 012 6588715

Derma yang diterima sejak dari 18 Mac hingga 13 September 2020 (semasa PKPP)

Jumlah Kumulatif:	Sumbangan Paroki	Ruang Adorasi	Bank Makanan PIHDM
	RM56,813.00	RM63,938.00	RM12,525.00

DERMA / PEMBERIAN :

Bagi mereka yang ingin menyumbang kepada salah satu perkara berikut:

- (1) Sumbangan kewangan kepada Paroki
- (2) Pengubahsuaian bilik Adorasi
- (3) PIHDM Food Bank

Kami menggalakkan anda untuk menggunakan kemudahan dalam talian perbankan anda. Butiran Akaun Bank Paroki adalah seperti berikut:

- a. Bank : Public Bank Berhad
- b. Nama Akaun Bank : Church of Visitation
- c. No Akaun : 3121194612

Sila nyatakan dalam pemindahan dalam talian butiran berikut agar Pejabat Paroki dapat menjelaskannya dengan tepat:- (i) Jumlah (ii) Tujuan – mana yang berikut :

1. Sumbangan Kewangan ke Paroki
2. Tolong jangan hantar sumbangan Misa/persembahan secara atas talian (Pejabat dibuka pada Isnin - Sabtu)
3. Pengubahsuaian Bilik Adorasi
4. PIHDM Food Bank (Untuk maklumat lanjut hubungi : John Davidson (017 6158961) atau Bernadette (012 2715840))

Sila hantarkan slip transaksi ke e-mel Paroki: serembanvisitation@gmail.com untuk tujuan rekod pejabat Paroki.**PERHATIAN:**

Dengan serta merta tidak akan ada perkhidmatan pengebumian dirumah si mati. Pengebumian akan diadakan di Parlor Visitation

- Ubahsuaikan Raung Adorasi - lihat juga video di facebook dan laman Web Visitation.
- Paroki iua dalam proses merombak kepemimpinan di semua Ministri.

➤ Saya dan Fr, Kenneth sangat berterimakasih kepada mereka yang telah melayani dalam paroki ini dalam pelbagai ministri. Kami mengucapkan TERIMA KASIH diatas sumbangan anda yang tidak ternilai sepanjang tahun-tahun ini. Semoga Tuhan memberkati anda dan keluarga. Salam damai dan jaga diri! Fr. Xave

Saudara-saudari, sekiranya anda ingin bertemu dengan Paderi Paroki, sila hubungi pejabat paroki untuk membuat temu janji untuk bertemu dengan Paderi Paroki, dan elakkan dari menghubungi Paderi kita secara peribadi dalam telefon untuk membuat temu janji

- Penempahan premis Gereja/Dewa/kelas dll untuk mesyuaratsila jangna menghubungi Paderi untuk menempah. Semua tempahan harus dilakukan melalui pejabat Paroki.

RITE OF CHRISTIAN INITIATION OF ADULTS - CALON BAPTIS :

13/9/2020 : 10.00 am (English)

20/9/2020 : 12.00 T/hari (Mandarin)

27/9/2020 : 7.30 am (Tamil)

Tahniah kepada kesemua 8 orang yang baru sahaja dibaptis hari ini (RCIA-E). Kami mengalu-alukan dan menyokong mereka.